



عمارة

Imarah



MASJID IBN ABBAS, TAMAN IBUKOTA, KUALA LUMPUR

BIL: 9

BULETIN

2024

سَلَامٌ عَلَيْكُمْ أَيُّهَا الْعِبَادُ الطَّيِّبِينَ

KEMERIAHAN MAJLIS TAUTAN UKHUWAH AIDILFITRI MASJID IBN ABBAS - muka surat 26 dan 27



IFTAR RAHMAH MADANI SEDIA JUADAH BERBUKA PERCUMA SEPANJANG RAMDHAN - muka surat 22



MAIWP PERUNTUKKAN RM19.03 JUTA SUMBANGAN IHYA RAMADHAN - muka surat 12



MASJID IBN ABBAS



MASJID IBN ABBAS



www.miatik.my

Editorial

Penaung

Hj Nizam Shah Bin Mohd Noor

Ketua Editor

Hj Muhd Syahamirul Edinin Bin Abd Hamid

Sidang Editor

Ustaz Mohd Shukri Bin Shafie

Ustaz Marwan Hadid Bin Nor Khair

Pn Samsiah Binti Husain

Hj Othman Bin Nawang

Pn Armi Bt Mohd Ramli

Pn Aminah Binti Abdul Syukor

BARISAN AHLI JAWATANKUASA MASJID IBN ABBAS

Pengerusi

Hj Nizam Shah Bin Mohd Noor

Timbalan Pengerusi

Hj Muhd Syahamirul Edinin Bin Abd Hamid

Setiausaha

Ustaz Mohd Shukri Bin Shafie

Bendahari

Hj Zulkifly Bin Mohd Daud

Biro Pembangunan & Ekonomi

En Wan Dzulkarnain Bin Hussain Sadri

Biro Pendidikan & Dakwah

Ustaz Marwan Hadid Bin Nor Khair

Biro Penerangan & Penerbitan

Hj Muhd Syahamirul Edinin Bin Abd Hamid

Biro Khairat Kematian

Hj Nizam Shah Bin Mohd Noor

Biro Kebajikan

En Nasrul Azhar Bin Nasarudin

Biro Muslimat

Pn Siti Mariam Binti Diran

Pn Samsiah Binti Husain

Biro Keselamatan & Keceriaan

En Ahmad Zamri Bin Hasan

Ustaz Muhammad Shalahuiddin Bin

Muhamad Ajib

Biro Beliawanis

Pn Armi Bt Mohamed Ramli

Biro Multimedia

Hj Latif Bin Abd Rahim

Cetusan Editor

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Alhamdulillah, Segala pujian bagi Allah SWT, Tuhan semesta alam, selawat serta salam buat Nabi cinta kita, baginda Rasulullah SAW.,

Selamat sejahtera dan salam Aidilfitri yang penuh keberkatan! Di saat kita menyambut kemenangan, kegembiraan dan kehangatan Aidilfitri, izinkan kami dari keluarga besar Buletin Imarah untuk menghulurkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan atas sokongan dan kesetiaan yang tak terhingga kepada para jemaah dan anak kariah Masjid Ibn Abbas, Taman Ibukota.

Aidilfitri adalah titik tolak kepada perjalanan baru yang penuh dengan harapan dan kebahagiaan. Kini, kita menyambutnya dengan hati yang penuh syukur dan rasa kebersamaan yang membangkitkan semangat ukhwah dalam kalbu.

Semoga segala informasi, inspirasi dan khazanah keagamaan yang memenuhi di setiap helaian buletin ini, dapat memberi manfaat serta menjadi sumber rujukan, keinsafan dan kebahagiaan buat semua pembaca setia kami.

Di sini, mari kita memanfaatkan semangat keberkatan ini dengan merapatkan lagi silaturahim, menghalusi erti keikhlasan, dan meningkatkan kualiti kehidupan kita bersama-sama. Semoga setiap langkah yang kita ambil membawa sinar kebaikan dan keredaan dari Allah SWT.

Selamat Hari Raya Aidilfitri, Maaf Zahir dan Batin dari kami di Buletin Imarah. Semoga Allah SWT menerima segala amalan kita dan memberkati setiap langkah kita dalam perjalanan kehidupan yang penuh makna ini. Jazakallahu khair

محمد شاهرود بن هادي بن عيسى
MUHD SYAHAMIRUL E. BIN ABD HAMID



Isi Kandungan Pilihan

| | |
|---|----|
| MESYUARAT TAHUNAN KARIAH 2024 MASJID IBN ABBAS TAMAN IBUKOTA..... | 3 |
| LEBIH 600 JEMAAH MEMERIAHKAN KEMPEN 'GENG SUBUH MACAM JUMAAT'..... | 4 |
| PROGRAM SUNATHON ANJURAN MASJID IBN ABBAS WADAH ERATKAN SILATURAHIM..... | 6 |
| PROGRAM IHYA RAMADHAN 1445H MEMPERERAT SPIRITUALITAS UMAT..... | 17 |
| MAJLIS TAUTAN UKHUWAH MIATIK MERIAHKAN SAMBUTAN AIDILFITRI KUKUHKAN PERPADUAN PENDUDUK DALAM KARIAH..... | 25 |
| MASJID IBN ABBAS TURUT MERIAHKAN MAJLIS RAMAH MESRA DATARAN..... | 28 |

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Alhamdulillah, syukur kehadiran Ilahi atas kejayaan pelancaran buletin keluaran ke 9 yang memperkayakan lagi komunikasi dan penyebaran maklumat dalam komuniti kita seiring sambutan hari kemenangan kita Aidil Fitri yang baru sahaja berlalu. Saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua yang telah menyumbangkan artikel, gambar, dan idea dalam usaha memperkaya kandungan buletin ini. Semoga buletin ini menjadi sumber inspirasi, pengetahuan dan rujukan yang bermanfaat bagi kita semua dan untuk generasi masa hadapan.

Masih tidak lewat lagi untuk saya mengucapkan selamat Hari Raya Aidilfitri khas kepada seluruh umat Islam dalam kariah Masjid Ibn Abbas ini. Semoga bulan Ramadan yang kita lewati lalu telah meningkatkan lagi keimanan dan ketakwaan kita kepada Allah SWT. Semoga kita semua dapat memperoleh keberkatan, rahmat dan keampunan-Nya. Mari kita gunakan momentum ini untuk mempererat lagi silaturahim, berbagi kebahagiaan dengan sesama kita, dan meningkatkan lagi kualiti hidup kita serta kehidupan umat Islam di kawasan kita khususnya dan di seluruh dunia amnya. Akhir kata, mari kita terus memperjuangkan kebaikan dalam setiap langkah kita, dan semoga Allah SWT senantiasa memberkati dan melindungi kita semua.

'Maaf Zahir dan Batin', Jazakallahu khair

HJ NIZAM SHAH BIN MOHD NOOR
PENGERUSI MASJID IBN ABBAS



Alhamdulillah, segala puji bagi Allah, selawat dan salam ke atas junjungan Nabi SAW, para sahabat dan yang mengikut jejak langkahnya hingga hari kesudahan.

Sedar atau tidak, kita telah memasuki fasa suku kedua penggal tahun 2024 yang mana kita telah melalui bulan yang mulia Ramadhan al-Mubarak serta meraikan Hari Raya Aidilfitri. Semoga Allah menatijahkan kita dengan taqwa dan seterusnya kita dapat menzahirkan kesyukuran atas segala nikmat hidayah yang Allah kurniakan kepada kita sehingga ketika nafas kita masih lagi diberi peluang untuk hidup.

Tahun 2024 adalah tahun yang mencabar kepada semua umat Islam dan ianya juga sebagai cabaran kepada pihak masjid menguruskan masjid dengan baik sebagai institusi utama dalam menyantuni anak kariah. Latihan pada bulan Ramadhan yang lalu telah banyak mendidik dan melatih kita untuk terus istiqamah dan kekal di landasan yang betul terutamanya kepada anak kariah yang akan menjadi pengunjung setia kepada masjid dalam bersolat berjemaah mahupun penglibatan dalam aktiviti pengimaran masjid.

Dikesempatan ini, saya ingin mengucapkan berbilang terima kasih kepada semua anak kariah yang sentiasa bersama dengan Masjid Ibn Abbas dalam menjalani ibadah seharian dan juga aktiviti pengimaran pada tahun 2023 yang lalu dan mengharap momentum ini dapat diteruskan pada tahun yang mendatang. Al-Faqir ilallah,

MOHD SHUKRI BIN HJ SHAFIE
PEMANGKU NAQIB MASJID IBN ABBAS



SOLAT HAJAT DAN BACAAN YASIN UNTUK PELAJAR-PELAJAR UPKK DALAM KARIAH

MIATIK, 11 Januari - Biro Pendidikan dan Dakwah Masjid Ibn Abbas telah menganjurkan majlis Solat Hajat dan Bacaan Yasin untuk pelajar-pelajar dalam kariah yang bakal mengambil peperiksaan Ujian Penilaian Kelas KAFA (UPKK) bermula 16 Januari ini. Jumlah keseluruhan kehadiran adalah seramai hampir 300 jemaah yang terdiri dari pelajar, guru, ibubapa dan jemaah biasa.

Pengerusi Masjid Ibn Abbas, Hj Nizam Shah Mohd Noor berkata, majlis tersebut merupakan hasrat dan tawakal MIATIK bersama-sama pelajar, ibubapa dan guru-guru memohon bantuan daripada Allah S.W.T untuk menghadapi peperiksaan, memupuk rasa cinta kepada ibadah dan meningkatkan lagi ilmu dalam menjalankan solat hajat dan bacaan Yaasin secara berjemaah.

Majlis dimulakan dengan solat Maghrib berjemaah diikuti solat hajat dan bacaan yasin juga mengambil peluang memperoleh keberkatan malam hari Jumaat penghulu segala hari mendoakan kejayaan dan kecemerlangan mereka dalam ujian tersebut," tambahnya lagi.

MIATIK turut menjemput penceramah, Al Fadhil Ustaz Aryf Zaki dalam slot tazkirah khas bagi memberi motivasi dalam menyuntik semangat untuk berjaya dalam jiwa para pelajar.

Majlis tersebut sudah menjadi tradisi dan amalan di masjid ini sebagai pembinaan dan pemantapan akidah serta menjana insan yang solehah bagi kalangan pelajar selari dengan aspirasi pembelajaran agama Islam.

SEMINAR PEMANTAPAN IBADAH KORBAN TAJAAN YBIM

PUTRAJAYA, 16 Januari - Yayasan Budi Ihsan Malaysia (YBIM) telah menganjurkan seminar Pemantapan Ibadah Korban di Masjid Tuanku Mizan Zainal Abidin Putrajaya hari ini. Seramai lebih dari 60 peserta yang mewakili masjid-masjid di dalam Wilayah Persekutuan dan Selangor telah hadir.

Seminar dimulakan dengan kata-kata aluan pengasas YBIM, YBhg Dato Sr Rosli Atan dan dirasmikan oleh Imam Besar Masjid Tuanku Mizan Zainal Abidin, Ustaz Nor Azamir Bin Alias. Antara topik yang dibentangkan ialah, hukum-hakam dan tatacara pelaksanaan ibadah korban, pengagihan daging korbang yang adil, telus dan berkualiti, perkongsian pengalaman, program pengimarahkan korban di masjid-masjid.



Hj Nizam Shah menerima sijil kehadiran seminar yang disampaikan oleh Al fadhil Ustaz Elyas Ismail dan disaksikan oleh Dato Sr Rosli Atan selaku pengasas YBIM.



Hj Nizam Shah Mohd Noor selaku Pengerusi Masjid Ibn Abbas menyampaikan kata-kata aluan dalam Mesyuarat Tahunan Kariah 2024 - Foto BPD

MESYUARAT TAHUNAN KARIAH 2024 MASJID IBN ABBAS TAMAN IBUKOTA

MIATIK, 25 Januari - Masjid Ibn Abbas Taman Ibukota telah mengadakan Mesyuarat Agung Kariah 2024 dengan peningkatan jumlah kehadiran anak kariah.

Jumlah kehadiran yang dicatatkan adalah seramai 110 orang. Mesyuarat bermula pada jam 9.30 pagi dan berakhir pada jam 12.30 petang.

Mesyuarat dimulakan dengan kata-kata aluan dan hikmah untuk renungan bersama dari Pengerusi Masjid, Hj Nizam Shah Mohd Noor. Turut serta tetamu jemputan, Al Fadhil Ustaz Zuraime selaku wakil Pegawai Tadbir Agama JAWI Zon 2 (PTAZ2). Beliau turut menyampaikan perutusan dan hasrat dari pihak PTAZ2 untuk memastikan segala garis panduan yang telah ditetapkan JAWI dipatuhi oleh pihak pengurusan Masjid. Pihak PTAZ2 sentiasa menyokong segala aktiviti pengimarah masjid termasuk juga kebajikan yang melibatkan anak kariah masjid ini. Beliau telah memberi kata-kata semangat dan dorongan kepada anak kariah agar lakukan yang terbaik untuk Masjid Ibn Abbas demi pengukuhan ukhuwah dan meningkatkan lagi syiar Islam di kawasan ini.

Pembentangan kewangan dan aktiviti-aktiviti sepanjang tahun 2023 turut dibentangkan. Dalam pembentangan tersebut, En Zulkifly Mohd Daud selaku Bendahari masjid telah menyatakan pengurangan pendapatan dana masjid pada tahun lepas berbanding dari tahun sebelum ini. Pengurangan tersebut telah dikenalpasti dengan peningkatan aktiviti dan program yang dijalankan sepanjang tahun lepas selain dari peningkatan kos pengurusan masjid. Walaupun begitu, impak dari perkara tersebut telah menyaksikan banyak perkembangan positif yang dapat dilihat antaranya peningkatan jumlah jemaah yang hadir ke masjid disamping penglibatan baik dari pelbagai organisasi, sekolah dan

'Masjid bukanlah tempat untuk menabur fitnah, memecah-belahkan perpaduan sesama Islam atau membawa sebarang unsur negatif dalam masyarakat.'

***Hj Nizam Shah Mohd Noor
Pengerusi Masjid Ibn Abbas***

persatuan di dalam kariah.

Hj Nizam Shah Mohd Noor turut membentangkan kesimpulan keseluruhan aktiviti dan program anjuran masjid yang dijalankan sepanjang tahun lalu.

Beliau turut berkata, pihak pengurusan masjid sentiasa peka dan berusaha untuk memberi yang terbaik bagi memastikan masjid berfungsi dalam pembangunan sahsiah mulia dan penyatuan anak kariah dalam mengharungi zaman yang penuh cabaran ketika ini. Tambahan beliau lagi, masjid juga bukanlah satu platform untuk menabur fitnah, memecah belahkan perpaduan atau membawa sebarang unsur negatif dalam masyarakat. Beliau turut berharap agar anak kariah dapat memberi sepenuh sokongan kepada barisan jawatankuasa kini untuk mengemudi dan mengurus masjid ini dengan baik di masa hadapan.

Syukur Alhamdulillah mesyuarat telah berlangsung dengan tenang dan baik, pelbagai pertanyaan serta cadangan dilontarkan berkaitan dengan agenda yang dibentangkan. Jamuan tengah hari disediakan untuk semua hadirin selepas selesai mesyuarat. - **Sumber BPD**



LEBIH 600 JEMAAH MEMERIAHKAN KEMPEN 'GENG SUBUH MACAM JUMAAT'

MIATIK, 27 Januari - Inspirasi yang teretus dari sambutan orang ramai di Masjid Saidina Umar Al-Khattab, Bukit Damansara sebelum ini telah memberi ilham kepada pengurusan Masjid Ibn Abbas untuk turut sama berkempen mengajak para jemaahnya hadir bersolat subuh berjemaah beramai-ramai sekaligus menghidupkan suasana di masjid.

Usaha ini tidak sia-sia apabila program ini telah mendapat sambutan lebih dari 600 orang jemaah hadir daripada pelbagai lapisan usia memeriahkan lagi solat subuh hari ini.

Pengerusi Masjid Ibn Abbas, Hj Nizam Shah Mohd Noor berkata, mengambil semangat kempen 'Geng Subuh Macam Jumaat' yang sedang menyemarak ketika ini, Masjid Ibn Abbas juga turut mengambil kesempatan dalam usahanya menggalakkan para jemaah beramai

ramai ke masjid solat setiap waktu. Ia sebahagian dari usaha masjid dalam memberi kesedaran kepada anak kariah untuk menjalankan rukun Islam kedua itu dengan lebih baik, selain memeriahkan masjid menerusi aktiviti keagamaan bersama komuniti setempat.

Menurut beliau, program dimulakan dengan qiamulail seawal 5 pagi yang diisi dengan solat sunat tahajjud, solat sunat hajat dan solat sunat taubat serta zikir dan selawat.

Kuliah Subuh Perdana bersama penceramah selebriti terkenal, Al Fadhil Ustaz Don Daniyal dimulakan selesai sahaja solat subuh yang turut memberi daya tarikan kali ini.

Kemuncak acara, para jemaah dijamu sarapan pagi dengan hidangan roti prata, capati, kuah kari kambing dan ayam. Sarapan pagi ini turut ditaja bersama Restoran Ali Maju.

Menurut Hj Nizam Shah lagi, program seperti ini bukan sahaja mengeratkan lagi tali silaturahim ukhuwah sesama muslim, malah menjadi tempat perkongsian ilmu kepada orang ramai.

Selain dapat beribadah, masyarakat juga dapat mengenali antara satu sama lain dan mengukuhkan permuafakatan sesama insan.

Fungsi masjid sebagai tempat pertemuan tidak hanya diisi dengan ruang lingkup kerohanian semata-mata, tetapi ia juga menjadi pusat perbincangan intelektual dan kemanusiaan.

"Tahniah diucapkan kepada semua yang terlibat dan teruskan istiqomah. Semoga Allah SWT menerima amalan kita semua". katanya. - **Sumber BPD**





PROGRAM SUNATHON ANJURAN MASJID IBN ABBAS WADAH ERATKAN SILATURAHIM

MIATIK, 10 Februari - Pihak pengurusan Masjid Ibn Abbas mengambil kesempatan menganjurkan program Sunathon dalam musim cuti sekolah baru-baru ini. Program yang bermula dari jam 8 pagi ini turut disisipkan tausiah 'Hikmah Berkhatan' yang dipimpin oleh Al Fadhil Ustaz Dr Rohaily Abd Rahman kepada para peserta dan ibubapa yang hadir.

Bagi memeriahkan lagi program, para peserta dimandikan dengan semburan air selama hampir 15 minit oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat dari cawangan Setapak.

Pengerusi Jawatankuasa Masjid Ibn Abbas, Hj Nizam Shah Mohd Noor berkata program julung kali tersebut mendapat kerjasama dengan klinik dalam kariah, Klinik Shifa' yang diketuai Dr Ehsan.

"Masjid ini dilengkapi dengan pelbagai kemudahan termasuklah dewan khas untuk penganjuran aktiviti kemasyarakatan, justeru fungsinya perlu diperluas, tidak hanya memfokus kepada ibadah solat semata-mata.

Katanya lagi, pihak pengurusan masjid cakna akan kos berkhatan yang kian meningkat dan amat membebankan ibubapa untuk

melaksanakan urusan berkhatan untuk anak-anak mereka.

Oleh itu, bagi mendapatkan solusi pemasalahan ini, pihak pengurusan telah menanggung separuh dari kos

'Para ibubapa memainkan peranan penting dalam membina semangat diri dan keutuhan institusi keluarga dan agama buat anak-anak.'

***Hj Nizam Shah Mohd Noor
Pengerusi Masjid Ibn Abbas***

sebenar bagi meringankan bebanan tersebut, pengkhususan kepada keluarga dalam kariah masjid ini. Dengan adanya program seperti ini, ia bukan sahaja dapat memberikan manfaat kepada anak kariah, dapat menjalinkan hubungan sillaturahmi sesama masyarakat setempat dan turut mengimarahkan lagi masjid ini," tambahnya lagi.

Seramai hampir 50 kanak-kanak berusia antara 5 hingga 12 tahun selamat dikhatankan dengan bantuan tujuh doktor serta dibantu lebih 5 jururawat. Program berakhir pada jam 4.30 petang. - **Sumber BPD**



Para peserta disirami air dari Jabatan Bomba dan Penyelamat menambah kemeriahan majlis. - foto BPP





Kumpulan Muslimat MIA dalam rangka lawatan di Pondok DarSa, Kuala Nerang, Kedah bersama Tuan Guru Sheikh Mohd Zainal Asri - Foto BM

MUSLIMAT KEMBARA DAKWAH DAN DAURAH ILMU DI BUMI KEDAH

MIATIK, 19 Januari - Seramai 125 peserta dari kariah Masjid Ibn Abbas dan 40 peserta dari luar telah menyertai Kembara Dakwah dan Daurah Ilmu anjuran Biro Muslimat bersama Pusat Pengajian Al-Quran Cinta Ummah dan Biro Muslimat Muhajirin Bangi. Para peserta turut diiringi 4 orang asatizah melibatkan 4 buah bas sewa khas sebagai pengangkutan ke lokasi dalam jadual program. Antara lokasi singgahan dalam jadual adalah Pondok DARSA, Muratdha Dakwah Centre (MADAD), Maahad Tahfiz An-Nur (MTAN), Pondok Tahfiz Tuan Guru Haji Abdul Majid (TGHAM) dan Kompleks Islam Darul Faizin (KIDAF). Biro Muslimat juga turut menyerahkan sumbangan sebanyak RM18,230 hasil infaq jemaah Kuliah Dhuha dan Tabung Jannatul Firdausi kepada 5 lokasi lawatan tersebut.

Program ilmiah selama 3 hari 2 malam ini bermula dari 19 Januari dan berakhir pada 21 Januari 2024.



Bersama Ustaz Yaakub Basra di MADAD



Bersama anak-anak Tahfiz di Maahad Tahfiz An-Nur



Lawatan ke Pondok Tahfiz Tn Guru Haji Abdul Majid



Bersama para Tahfiz di Kompleks Islam Darul Faizin



PROGRAM 'NUR ALQURAN MIA' USAHA MERUTINKAN ALQURAN DALAM KEHIDUPAN

MIATIK, 11 Februari - Biro Muslimat Masjid Ibn Abbas telah mengadakan Majlis Khatam Al-Quran kaum muslimah bagi kemuncak program 'Nur Al-Quran MIA' baru-baru ini. Program ini diadakan dalam usaha untuk mendekatkan diri ummah merutinkan diri dengan membaca Al-Quran setiap hari. Selain melatih diri berdisiplin membaca Al-Quran, program ini turut mengukuhkan ukhuwah sesama muslimah terutamanya dalam kariah. Turut disertakan aktiviti seperti berpuasa sunat, solat berjemaah dan diikuti bacaan Surah Yasiin & Tahlil di setiap pertemuan sepanjang tempoh program ini dijalankan.

Program ini telah dimulakan sejak 14 Julai 2023 (25 Zulhijjah 1445H) hingga 8 Februari 2024 (27 Rejab 1445H) dan disertai seramai 60 orang peserta muslimat.

Tetamu jempunan majlis kemuncak ini, Al fadhilah Ustazah Hjh Noriah Omar, turut berkongsi ilmu dalam Tausiyahnya bertajuk 'Menjadi Orang Yang Soleh'. Turut hadir menyerikan lagi majlis ini, Hjh Che Tom Hj Ahmad (isteri Pengerusi Masjid Ibn Abbas). - **Sumber BM**

Pengajian Berkitab



MASJID IBN ABBAS
 Taman Ibu Kota, Kuala Lumpur

KITAB
FARDHU AIN

Selepas Solat Asar
Setiap Hari Jumaat

(BERMULA 2 FEBRUARI 2024)

SEMUA DIJEMPUT HADIR

Al-Fadhil Ustaz

MOHD MUSTAKIM
MOHAMOOD @FAUZI

Guru Pondok Turath Baitussaadah
Guru Takmir Wilayah Persekutuan





RM15

Kitab akan dijual pada hari kelas



BACAAN AL-MATHURAT (PETANG) & SURAH AL-KAHFI (HARI JUMAAT)

Kumpulan Bacaan Al-Ma'thurat (petang) & Surah Al-Kahfi (Jumaat) ini telah dimulakan sejak tahun lalu dibawah pimpinan Hjh Che Tom Hj Ahmad bersama 7 jemaah lain; Cikgu Rohaya A Samat, Cikgu Marinah Bawang, Hjh Ruzaini Yunus, Hjh Sariah Ramli, Hjh Roseyatimah Fazli, Ustazah Roslinda Mohd Hatta & Hjh Ruhaidah A Rahim mengikut jadual. Manakala bacaan Surah Al-Kahfi pula pada setiap hari Jumaat jam 12.30 tengahari menerusi aplikasi Google Meet dari kediaman masing-masing.



SAMBUTAN JUBLI EMAS 50 TAHUN JAWI

Kumpulan Biro Muslimat turut serta dalam program 'Wilayah Persekutuan Berselawat' dan 'Forum Perdana Ehwal Islam - Budi Sematang Usia' anjuran JAWI bertempat di Masjid Wilayah Persekutuan. Program sempena sambutan Jubli Emas 50 Tahun JAWI ini diadakan selama 2 hari bermula 31 Januari dan 1 Februari 2024.



PROGRAM ROMBONGAN CIK KIAH (RCK)

Majlis REHLAH tazkirah RCK bersama kumpulan jemaah Dhuha seramai 44 peserta di Madrasatul Khirat. Peserta turut dibawa singgah ke Kedai Ustaz Dan Ustazah - Pencinta Barangan Sunnah di Kampung Pandan, Kuala Lumpur pada 28 Februari lalu. Biro Muslimat yang diwakili Puan Mariam Diran turut menyerahkan sumbangan untuk usaha dakwah yang diwakili DRI Consultation.

DAURAH KITAB BERSAMA AL FADHIL USTAZ AMIRUL MUKMININ AL FARUQ

Daurah kitab 'Ruqyah Syariyyah' anjuran Biro Muslimat telah dihadiri seramai lebih 90 orang peserta. Program ini telah dijalankan pada 17 Februari lalu.





MESYUARAT AGUNG TAHUNAN SURAU AN-NUR FASA 7 KALI KE 7

Taman Setapak Indah, 29 Februari - Mesyuarat Agung Tahunan Surau An Nur Fasa 7 kali ke-7 telah berlangsung di ruang legar surau tersebut.

Majlis yang bermula sekitar jam 9.50 malam tersebut dimulakan dengan bacaan doa dari Imam Zikrullah Mohd Ali dan diikuti dengan ucapan mula Pengerusi Surau An Nur, Imam Ismail Arshad.

Beliau menyatakan penghargaan atas sumbangan yang diterima dari pelbagai pihak dalam membangunkan surau ini. Beberapa siri pembangunan dapat dilihat dalam setahun yang lalu seperti penambahan ruang solat muslimat, naik taraf bilik pengurusan jenazah

dan ruang serba guna. Hasil penambahan infrastruktur ini diharapkan dapat memberi keselesaan kepada jemaah dan menarik lebih ramai jemaah hadir ke surau.

Selain itu, beliau turut menasihatkan anak kariah yang berstatus asnaf agar segera mendaftarkan diri dengan Baitulmal supaya agihan bantuan dan zakat dapat diuruskan dengan lebih bersistematik dan bersasar.

Mesyuarat Agung Tahunan kali ini telah dirasmikan oleh Pengerusi Masjid Ibn Abbas, Hj Nizam Shah Mohd Noor. Menurut beliau dalam ucapan perasmianya, beliau mengharapkan agar hubungan

silaturahim yang baik antara surau dan masjid terus terjaga serta aktiviti-aktiviti kerohanian bagi pengimaran surau ini dapat diteruskan dengan lebih aktraktif.

Tambah beliau lagi, pihak masjid akan terus menyokong segala aktiviti pengimaran semua surau dalam kariah dan kebajikan anak kariahnya.

Pihak masjid akan menyalurkan sumbangan bulanan sebanyak RM500 dalam tempoh setahun bagi mengurangkan bebanan pengurusan di surau ini.

Mesyuarat diteruskan dengan pembentangan laporan tahunan dan berakhir pada jam 11.15 malam.



MAIWP PERUNTUKKAN RM19.03 JUTA SUMBANGAN IHYA' RAMADHAN

Kuala Lumpur, 5 Mac - Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) menyalurkan RM19.03 juta dana zakat menerusi sumbangan Ihya' Ramadan kepada 871 masjid, surau Jumaat dan surau di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya tahun ini.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), Datuk Mohd Na'im Mokhtar berkata, RM30,000 diperuntukkan kepada masjid, surau Jumaat (RM25,000) dan surau biasa (RM20,000), iaitu kenaikan sekali ganda berbanding tahun lepas.

"Ini merupakan antara keprihatinan MAIWP untuk menyediakan pelbagai kemudahan dan menjaga kebajikan serta keperluan masyarakat Islam di Wilayah Persekutuan termasuk keperluan di masjid dan surau.

"Semoga dengan pertambahan bantuan tahun ini serta sumbangan ahli kariah akan menjadikan seluruh

masjid dan surau di Wilayah Persekutuan meriah, ceria dan berseri dengan pengisian program pengimarahannya dan aktiviti ibadah, kebajikan dan kemasyarakatan sepanjang Ramadan nanti," katanya.

Beliau berkata demikian selepas merasmikan Persidangan Pengurusan Masjid dan Surau, Penyampaian Bantuan Ihya' Ramadan dan Tauliah Amil Zakat Fitrah Wilayah Persekutuan Tahun 1445H/2024M, di sini, pada Selasa.

Selain itu, Mohd Na'im berkata, MAIWP turut menyalurkan Bantuan Khas Persediaan Ramadan RM500 secara *one off* melibatkan 32,250 penerima Bantuan Kewangan Bulanan di Wilayah Persekutuan dengan perbelanjaan berjumlah RM16.125 juta.

"Sumbangan berkenaan telah diberikan bermula hari ini (5 Mac) dan saya tekankan bantuan *one off* ini sebagai persediaan golongan asnaf ini menyambut Ramadan dan kita nak

mereka merasa Ramadan nanti penting dalam kehidupan mereka," katanya.

Mohd Na'im turut melancarkan Pelan Warta Persempadan Kariah Masjid-Masjid Di Wilayah Persekutuan dalam Zon-Zon Pentadbiran di bawah Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI) yang dibangunkan dengan kerjasama Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia (JUPEM).

Beliau berkata, pelan itu bakal memberi impak positif dan memudahkan urusan berkaitan dengan hal ehwal anak kariah dan pengurusan Islam di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

Menurutnya, pelan tersebut selaras dengan Akta Pentadbiran Undang-undang Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1993 dan telah disiarkan dalam Warta Kerajaan Persekutuan bertarikh 15 Jan 2024. - **Sumber Bernama**



ILTIZAM PENAMBAHBAIKAN PROGRAM PENGIMARAHAN AGENDA UTAMA MASJID

KUALA LUMPUR, 3 Mac - Pihak Pentadbiran Masjid Ibn Abbas telah mengadakan perbincangan kemaskini kertas kerja bagi Sasaran Kerja Tahunan (SKT) untuk sepanjang tahun 2024 bertempat di Tamu Hotel, Kuala Lumpur hari ini.

Perbincangan tertumpu kepada perancangan tambah baik program pengimarah masjid sedia ada dan baru yang mengikuti perkembangan semasa supaya kekal relevan kepada para jemaahnya.

Pelbagai program menarik telah direncanakan bagi menarik minat para jemaah anak kariahnya terutamanya golongan muda.

Hj Nizam Shah Mohd Noor berkata, Masjid yang menjadi rumah Allah sesungguhnya perlu benar-benar diperkasakan dan ditambahbaik dari semasa ke semasa mengikut realiti zaman tanpa mengubah asolah dan matlamat masjid yang perlu dikekalkan sifat kemasjidannya.

Katanya lagi, pertemuan kali ini amat

penting bagi memastikan segala perancangan aktiviti dan perbelanjaan pelaksanaannya sepanjang tahun ini berjaya direalisasikan, capai objektif serta dapat memberi manfaat kepada semua yang terlibat.

Hasil perbentangan ini bakal diserahkan kepada Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI) Zon 2 untuk pemakluman seperti yang diwajibkan kepada setiap masjid dalam Wilayah Persekutuan.



MAJLIS BACAAN YASIN DAN TAHLIL SEMPENA SAMBUTAN RAMADHAN

MIATIK, 7 Mac - Masjid Ibn Abbas mengadakan Majlis Bacaan Yasin bersempena menyambut Bulan Ramadhan yang bakal tiba tidak lama lagi sebagai tanda kesyukuran dalam persediaan umat Islam menjalani ibadah Puasa.

Aturcara majlis dimulakan dengan bacaan Yasiin dan tazkirah ringkas oleh Al Fadhil Ustaz Aryf Zaki. Seramai lebih 200 orang jemaah hadir meraikan majlis.

Majlis diteruskan dengan penyerahan duit zakat berjumlah sebanyak RM 7,575 kepada 25 orang asnaf dan muafak. Para penerima

zakat turut sama menerima sumbangan dari Stesyen Minyak Petronas Taman Danau Kota dalam bentuk keperluan barang dapur setiap seorang.

Semoga kita diberikan kekuatan dalam menjalani ibadah puasa pada bulan mulia ini dan memperolehi rahmat serta lebih bermakna bagi kita semua.



SESI LIBAT URUS PENGARAH JABATAN SIASATAN JENAYAH BERSAMA MASYARAKAT

Taman Tun Dr Ismail, 9 Mac - Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah (JSJ) Bukit Aman, Datuk Seri Mohd Shuhaily Mohd Zain berkata tahap kepercayaan masyarakat terhadap Polis Diraja Malaysia (PDRM) perlu diperbaiki bagi memastikan masyarakat dapat berkongsi maklumat kejadian jenayah di kawasan mereka.

Beliau berkata demikian ketika menjawab soalan yang dibangkitkan orang awam yang hadir pada Sesi Libat Urus Jabatan Siasatan Jenayah Bersama Masyarakat di Dewan Pusat Komuniti Taman Tun Dr Ismail di sini, hari ini.

Mohd Shuhaily berkata, beliau mengambil serius perkara itu dan akan berusaha untuk memperbaikinya bukan sahaja di Kuala Lumpur, malah di seluruh negara.

"Sensitiviti terhadap siasatan yang dijalankan harus menjadi keutamaan setiap pegawai dan anggota JSJ," katanya.

Dalam perkembangan lain, Mohd Shuhaily berkata setiap pegawai di JSJ Kuala Lumpur harus memiliki dedikasi dan motivasi yang cukup tinggi dalam melaksanakan penugasan, sama ada di kontinjen daerah dan balai polis.



Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah (JSJ) Bukit Aman, Datuk Seri Mohd Shuhaily Mohd Zain berucap dalam Program Libat Urus Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah (JSJ) Bukit Aman Bersama Masyarakat di Dewan Komuniti TTDI, Kuala Lumpur.

"Dia (pegawai dan anggota) perlu memiliki semangat dan ilmu yang cukup baik kerana masyarakat di Kuala Lumpur mempunyai spektrum yang amat besar daripada yang amat tinggi sehingga yang paling rendah, jadi dia tidak boleh anggap semua kes sama.

"Setiap pegawai perlu sentiasa peka dengan pengadu dan suspek serta sesuatu kes itu sendiri dan itu yang saya cuba terapkan dan saya inginkan daripada Polis Kuala Lumpur," katanya.

Beliau juga turut mengingatkan masyarakat di Kuala Lumpur untuk sentiasa peka dan memantau anak mereka yang menggunakan media sosial, terutama menerusi telefon bimbit, tablet dan komputer.

Ini adalah bagi mengelakkan kanak-kanak terdedah kepada laman berbentuk negatif dan tidak sihat yang boleh menjerumuskan kanak-kanak dan remaja melakukan jenayah, terutama jenayah seksual.

Terdahulu, beliau menjawab soalan berkaitan isu akta anti mengendap yang baru berkuat kuasa tahun lalu. Beliau akur terdapat ruang penambahbaikan anggota PDRM dalam menangani isu berkaitan. Memandangkan akta tersebut masih baru, ia bukannya satu alasan anggotanya untuk tidak ambil berat atau biarkannya tergantung tanpa penyelesaian. Beliau akan memastikan anggota PDRM akan diberi lebih pendedahan dan maklumat dalam mengatasi masalah ini.




MASJID IBN ABBAS
Taman Ibu Kota, Kuala Lumpur

GOTONG ROYONG PERDANA

9 MAC 2024 SABTU
8.30 Pagi

SEMUA JEMAAH DIJEMPUT HADIR



Ihya Ramadhan



PROGRAM IHYA RAMADHAN 1445H MEMPERERAT SPIRITUALITAS UMAT

Oleh Marwan Hadid Bin Nor Khair
Biro Pendidikan & Dakwah



Pada bulan Ramadhan yang mulia ini, umat Islam di seluruh dunia bersiap sedia menyambut kedatangan bulan yang penuh berkah ini dengan pelbagai aktiviti ibadah dan amal kebajikan. Seperti tahun-tahun sebelum ini, Masjid Ibn Abbas telah melancarkan program "Ihya Ramadhan", dengan pelbagai aktiviti pengisian kerohanian dan pengukuhan hubungan silaturahim antara para jemaah, anak kariah dengan masjid.

Banyak penambahbaikan program dalam tahun ini berbanding tahun-tahun yang lalu. Antara program yang dianjurkan kali ini adalah seperti, ziarah di ambang Ramadhan, solat tarawih, edaran bubur lambuk dan juadah berbuka puasa serta moreh, Tazkirah Ramadhan, Tadarus Al-Quran, Qiamullail dan sahur, majlis Khatam Al-Quran dan banyak lagi.

Program ini dianjurkan dengan matlamat untuk mengukuhkan lagi

ikatan spiritual ummah dengan agama dan meningkatkan lagi pemahaman mereka terhadap ajaran Islam selain dari mengejar ganjaran pahala yang dijanjikan Allah SWT dalam bulan yang penuh berkah ini. Dalam kerangka tersebut, pelbagai aktiviti kerohanian telah disediakan yang melibatkan para jemaah secara aktif sepanjang bulan Ramadhan.

Salah satu aktiviti utama dalam program ini adalah Tadarus Al-Qur'an, di mana seramai 68 peserta muslimin dan muslimat yang dibahagikan beberapa kumpulan terlibat sehingga ke kemuncak program, majlis khatam Al-Quran. Majlis meraikan para peserta muslimat diadakan dalam sambutan Hari Nuzul AlQuran, manakala bagi peserta muslimin diadakan seminggu sebelum berakhirnya Ramadhan. Antara kelainan tahun ini adalah solat sunat tarawih berjemaah, '1 juzuk 1 malam'. Dalam usaha merealisasikan impian ini, pihak masjid telah berkerjasama dengan Yayasan Pendidikan Itqan dalam menyediakan tenaga pengajarnya yang berkelayakan sebagai imam Tarawih pada setiap malam. Seramai 6 orang imam dari yayasan tersebut telah dilantik dan berjaya mendapat kelulusan dari pejabat Mufti Wilayah.

Aktiviti kerohanian seperti tazkirah Zohor Khas juga diadakan selepas solat Zohor berjemaah yang dikendalikan oleh penceramah jemputan khas. Selain itu, aktiviti Qiamullail turut diadakan seawal jam 4.30 pagi setiap hari minggu, diikuti Kuliah Subuh selesai sahaja solat Subuh. Program Qiamullail diteruskan setiap pagi dalam 10 hari

terakhir Ramadhan.

Untuk meningkatkan kesedaran sosial dan rasa keperihatinan kepada golongan kurang kemampuan dan berkeperluan, program sumbangan "Iftar food pack" turut diadakan dalam usaha menekankan kepentingan berkongsi rezeki dan meraikan mereka yang berbuka puasa di masjid. Masjid juga turut menerima sumbangan sebanyak RM130 Ribu dari pihak MAIWP dan JAWI menerusi program 'Iftar Rahmah Madani' (IRM). IRM turut diedarkan kepada golongan B40 dan berkeperluan selepas solat Asar setiap hari sepanjang Ramadhan untuk mereka yang tidak berbuka di masjid. Ini tidak hanya memberikan manfaat material kepada mereka yang memerlukan, tetapi juga memupuk rasa empati dan kepedulian sosial di kalangan jemaah kita.

Keseluruhan aktiviti dalam program Ihya Ramadhan ini diharapkan dapat mengilhamkan umat untuk memperdalam dan penghayatan dalam amalan keagamaan mereka, mengukuhkan ikatan sosial dalam komuniti, serta meningkatkan kesedaran akan nilai-nilai kemanusiaan yang terkandung dalam ajaran Islam. Bulan Ramadhan tidak hanya menjadi masa untuk menahan lapar dan dahaga, tetapi juga merupakan momentum yang berharga untuk memperbaiki diri dan meningkatkan kualiti spiritual umat Islam dalam mengharungi hari-hari yang kian mencabar. - MSE

"Peningkatan perbelanjaan sebanyak 63% berbanding tahun lalu, sejumlah RM 226,793 telah dibelanjakan untuk mempelbagaikan lagi program pengimaran sepanjang bulan Ramadhan tahun ini."

Zulkifly Mohd Daud
Bendahari Masjid Ibn Abbas



Solat Tarawih dan Qiamulail



Solat Tarawih 1 Ramadhan menyaksikan seramai hampir 600 jemaah memenuhi ruang solat utama, muslimat dan koridor masjid



Edaran juadah Iftar 'Iftar Rahmah Madani'

Keja penyediaan sehingga edaran juadah berbuka puasa untuk program tajaan JAWI 'Iftar Rahmah Madani' yang diuruskan oleh Masjid Ibn Abbas



Tadarus Al-Quran



Kumpulan tadarus Al-Quran muslimin dan muslimat sepanjang bulan Ramadhan 1445H



Iftar di Masjid Ibn Abbas

Majlis Iftar di Masjid Ibn Abbas sepanjang Ramadhan yang sentiasa dipenuhi para jemaah berbilang bangsa



Penyediaan dan edaran bubur lambuk

Penyediaan Bubur Lambuk istimewa antara juadah tahunan yang menjadi tarikan di Masjid Ibn Abbas



Sumbangan khas buat anak yatim dalam kariah

Majlis penyampaian sumbangan khas buat anak-anak yatim seramai 12 orang dalam kariah menjelang Syawal yang bakal tiba.



Sumbangan duit zakat dan barang dapur kepada asnaf dan mualaf

Sumbangan zakat dan barangan keperluan dapur kepada asnaf dan mualaf seramai 25 orang dalam kariah



Sumbangan suguhati kepada petugas sepanjang Ramadhan

Sumbangan suguhati kepada para petugas yang bertungkus lumus dalam pelbagai pengurusan membantu AJK di masjid sepanjang bulan Ramadhan



PROGRAM ZIARAH PERIHATIN KASIH, MENDEKATI WARGA EMAS DALAM KARIAH

MIATIK, 2 Mac - Seramai lima orang warga emas uzur dalam kariah, diziarahi dan disantuni oleh wakil Pentadbiran Masjid Ibn Abbas sebagai tanda ingatan kepada mereka.

Pengerusi Masjid Ibn Abbas, Hj Nizam Shah Mohd Noor turun menziarahi serta menyantuni warga emas yang uzur baru-baru ini. Antara warga emas yang di ziarahi ialah Haji Bakar Yusuf, Haji Yusuf, Haji Nasaruddin dan isteri, dan Hajah Zainoon Ahmad. Mereka yang diziarahi ini adalah antara jemaah tegar masjid yang telah banyak menyumbang budi dan tenaga kepada masjid suatu ketika dahulu.

Turut serta ziarah, Timbalan Pengerusi Masjid Ibn Abbas, Hj Muhd Syahamirul E Abd Hamid.

**IHYA'
RAMADHAN**



‘TAZKIRAH ZOHOR’

SELEPAS SOLAT ZOHOR

| | | | |
|---|---|--|--|
| <p>US ZUKRI</p>  <p>16 MAC (SABTU)</p> | <p>US SHAFIE</p>  <p>17 MAC (AHAD)</p> | <p>US IZMIR</p>  <p>23 MAC (SABTU)</p> | <p>US ARYF ZAKI</p>  <p>24 MAC (AHAD)</p> |
| <p>US SHAMSUL</p>  <p>30 MAC (SABTU)</p> | <p>US SABRAN</p>  <p>31 MAC (AHAD)</p> | <p>US LUTFI</p>  <p>6 APRIL (SABTU)</p> | <p>US ZULKA PILI</p>  <p>7 APRIL (AHAD)</p> |

'Tazkirah Zohor' antara program yang disediakan dalam Ihya Ramadhan kali ini yang menjemput para ilmuwan bagi pengisian di hari minggu sepanjang Ramadhan. - foto BPD

21



IFTAR RAHMAH MADANI SEDIA JUADAH BERBUKA PERCUMA SEPANJANG RAMADHAN

MIATIK, 14 Mac - Seramai 300 orang penerima dalam kariah Masjid Ibn Abbas dari 21,000 penerima di seluruh Wilayah Persekutuan dapat menikmati juadah berbuka puasa setiap hari secara percuma sepanjang Ramadan melalui Program Iftar Rahmah Madani. Program ini telah dilancarkan oleh Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI) dengan kerjasama Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan

(MAIWP) baru-baru ini.

Program ini berkonsepkan 'soup kitchen' yang berpusat di masjid menyediakan pek makanan dengan pelbagai jenis juadah berbuka puasa setiap hari secara percuma kepada golongan yang memerlukan.

"Alhamdulillah, seperti tahun-tahun lepas Masjid kita telah terpilih dan diberi kepercayaan untuk terlibat sama dalam edaran set juadah berbuka secara percuma.

Inisiatif dari JAWI ini telah memberi sinar kegembiraan kepada golongan yang memerlukan di kariah kita sepanjang bulan Ramadhan tahun ini." kata Pengerusi Masjid Ibn Abbas, Hj Nizam Shah Bin Mohd Noor.

"Sumbangan ini sedikit sebanyak dapat meringankan beban perbelanjaan dalam keluarga penerima sepanjang Ramadhan kali ini." Tambahnya lagi.



MIATIK SALUR RM2,500 BANTU PUSAT JAGAAN PENYAYANG NUR IMAN TAMAN IBUKOTA MENJELANG RAMADHAN

MIATIK, 10 Mac - Biro Kebajikan Masjid Ibn Abbas telah bertandang ke Pusat Jagaan Penyayang Nur Iman bagi melihat kebajikan di pusat berkenaan dalam persediaan menyambut Ramadhan yang bakal tiba tidak lama lagi.

Akhir lawatan, pihak MIATIK yang diwakili saudara Nasrul Azhar selaku ketua Biro Kebajikan telah memberi sumbangan dalam bentuk tunai sebanyak RM2,500 kepada ketua pengurusannya, Ustazah Sharimah. Semoga dengan sumbangan ini, sedikit sebanyak dapat meringankan bebanan yang ditanggung pusat ini.



Sekolah Kebangsaan Danau Kota diwakili oleh Guru Besar, En Rosli menerima sumbangan Ihya Ramadhan dari Nasrul Azhar Biro Kebajikan - foto BPP

5 SEKOLAH TERIMA SUMBANGAN UNTUK PENGIMARAHAN RAMADHAN TAHUN INI

MIATIK, 2 April - Bulan Ramadhan merupakan bulan beribadat, bulan kerahmatan dan bulan keampunan. Golongan pelajar dan ilmiah tidak juga dilupakan. Biro Kebajikan Masjid Ibn Abbas tidak mengetepikan golongan guru dan pelajar dalam pengimarahen Ramadhan peringkat sekolah tahun ini.

Empat buah sekolah dalam kariah iaitu Sekolah Kebangsaan Danau Kota, Sekolah Rendah Agama Al Nawawi, Sekolah Kebangsaan Setapak Indah dan Sekolah Menengah Kebangsaan Setapak

Indah telah menerima sumbangan tunai sebanyak RM2,000 untuk program Ihya Ramadhan sekolah berkenaan.

Objektif utama antaranya,

- meningkatkan amalan-amalan mulia di dalam bulan ramadhan dan mampu mengaplikasikan amalan mulia tersebut dalam kehidupan seharian.
- melahirkan pelajar-pelajar yang berilmu, berakhlak dan bertaqwa
- merapatkan lagi hubungan silaturahim antara warga sekolah dan masjid.

Sumbangan tunai sebanyak RM500 turut dihulurkan kepada Sekolah Kebangsaan Danau Kota (2) untuk program sambutan Aidil Fitri bagi pelajar-pelajar berkeperluan khas. Dana sumbangan adalah dari sumbangan awam melalui tabung kebajikan Masjid Ibn Abbas.



Hj Nizam Shah menyampaikan cenderahati kepada Imam Sheikh Nashwan mewakili Yayasan Pendidikan Itqan - foto BPP

6 IMAM YAYASAN PENDIDIKAN ITQAN DIRAIKAN

MIATIK, 8 April - Pihak Pentadbiran Masjid berkolaborasi dengan Yayasan Pendidikan Itqan dalam menyediakan imam-imam tahfiz mengetuai solat sunat tarawih sepanjang Ramadhan dalam usaha menarik kehadiran jemaah dan memeriahkan lagi Ramadhan kali ini.

Enam imam tahfiz dari yayasan tersebut adalah antara tenaga pengajar di yayasan tersebut dan juga pensyarah dari Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) yang berasal dari Malaysia, Mesir, Yaman dan Senegal.

Dua orang imam ditugaskan bergiliran setiap malam yang membawa surah-surah '1 juzuk 1 malam'.

Para imam-imam berkenaan diraikan di dalam majlis khatam Al-Quran yang diadakan pada hari ini selesai sahaja solat sunat tarawih.

Selamat Hari Raya Aidil Fitri

عيد الفطر
عيد الفطر

Maaf, Zahir & Batin
Ikhlâs dari kami,





Kehadiran melebihi 1000 jemaah memenuhi masjid menyempurnakan solat sunat Aidilfitri - foto BPD

**KEMERIAHAN AIDILFITRI
DISAMBUK PELBAGAI BANGSA**

MIATIK, 10 April - Lebih 1,000 jemaah memenuhi segenap ruang termasuk di kawasan perkarangan Masjid Ibn Abbas, di sini, pagi ini bagi menunaikan solat sunat Aidilfitri.

Solat sunat Aidilfitri diimamkan oleh Imam Mohamad Nukman Hishamudin, yang turut membacakan khutbah hari raya.

Sambutan Hari Raya hari ini meriah dengan jemaah yang hadir bersama keluarga masing-masing dengan mengenakan pakaian berwarna-warni bagi menunaikan solat sunat Aidilfitri.

Perayaan kali ini juga turut menyaksikan

peningkatan kehadiran warga asing yang turut sama mewarnai sambutan Aidilfitri di masjid ini.





MAJLIS TAUTAN UKHUWAH MIATIK MERIAHKAN SAMBUTAN AIDILFITRI, KUKUHKAN PERPADUAN PENDUDUK DALAM KARIAH

MIATIK, 21 April - Lebih 1,500 tetamu hadir memeriahkan majlis Tautan Ukhuwah Aidilfitri di sini, hari ini.

Majlis bermula jam 11 pagi itu diserikan dengan kehadiran Timbalan Pengarah Operasi JAWI, Hj Kamaldin Bin Mohd Damir; Pegawai Tadbir Agama Zon 2 JAWI, Ustaz Ahmad Yusri Bin Abdul Manap, Mantan Jawatankuasa MIATIK, pengerusi masjid dan surau serta wakil persatuan penduduk.

Pengerusi MIATIK, Hj Nizam Shah Bin Mohd Noor, berkata majlis itu memberi peluang bertemu dan

beramah mesra serta mengukuhkan lagi tali silaturahmi antara masjid dan anak kariah yang telah terbina sekian lama.

"Lebih 1,000 orang yang hadir dalam majlis kali ini, malah sambutan tahun ini amat menggalakkan, lebih meriah berbanding tahun sebelumnya," katanya ketika ditemui pada majlis tersebut.

Ketika ditanya mengenai impian dan hasrat untuk sambutan tahun ini, Hj Nizam Shah berkata, beliau berharap agar tahun ini memberi

lebih makna dari segi agama, semangat kekeluargaan, hormat-menghormati dan kemeriahan yang dirasakan.

"Antara hidangan yang disaji dalam majlis rumah terbuka MIATIK ini termasuk rendang, ketupat, sate, kambing golek, nasi briani, spageti, cendol, ais krim, kuih muih dan biskut tradisional yang biasanya disajikan ketika sambutan Aidilfitri," katanya.



Hj Nizam Shah ditemani barisan Jawatankuasa Surau Al-Hidayah Vista Wirajaya menjamu juadah di Majlis Ukhuwah Aidilfitri. - foto BPP.

MAJLIS RUMAH TERBUKA SURAU-SURAU BUKTI KERUKUNAN PENDUDUK DALAM KARIAH

SETAPAK, 3 Mei - Majlis Ukhuwah Aidilfitri Vista Wirajaya diadakan selepas selesai solat Maghrib berjemaah, dihadiri penduduk berbilang kaum di pangsapuri berkenaan. Majlis ini mendapat sambutan meriah walaupun sederhana menyerlahkan lagi keakraban hubungan baik penduduk walaupun berbeza pegangan agama.

Sebelum ini, majlis rumah terbuka turut diadakan di surau-surau dalam kariah seperti Surau Al-Falah, surau Al-Amin, Surau An-Nur Fasa 7 dan Surau An-Nur PV12 dalam menambah meriahkan lagi sambutan Aidilfitri pada tahun ini.

Majlis Tautan Ukhuwah Aidilfitri





Barisan Jawatankuasa Masjid Ibn Abbas yang terlibat dalam menjayakan Majlis Ramah Mesra Masjid dan Surau Jumaat Wilayah Persekutuan.- foto BPP

MASJID IBN ABBAS TURUT MERIAHKAN MAJLIS RAMAH MESRA DATARAN MERDEKA

KUALA LUMPUR, 4 Mei - Lebih 19,000 pengunjung dari dalam dan luar negara memeriahkan sambutan Aidilfitri Malaysia Madani serta Majlis Ramah Mesra anjuran Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI) hari ini.

Program ini antara yang terbesar yang pernah dianjurkan bersama JAWI, Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) bersama gabungan 130 buah masjid dan surau Jumaat sekitar Wilayah Persekutuan dengan kerjasama pelbagai rakan strategik.

Masjid Ibn Abbas (MIATIK) telah dijemput menyertai acara tahunan kali ini. Persiapan gerai dilakukan seawal malam Jumaat berkonsepkan batik. Hidangan pilihan yang disediakan oleh MIATIK adalah makanan tradisional, sate.

Majlis yang diadakan di Dataran

Merdeka, Kuala Lumpur ini diserikan dengan kehadiran Yang Berhormat Timbalan Perdana Menteri, Dato Sri Fadhillah Yusof. Turut sama Menteri di Jabatan Perdana Menteri Hal Ehwal Agama, Yang Berhormat Senator Dato Setia Dr Hj Mohd Na'im Mokhtar, Pengerusi MAIWP, Syed Kamarulzaman Syed Kabeer dan Pengarah JAWI, Datuk Mohd Ajib Ismail.

Program itu diinisiatifkan melalui pendekatan menghimpunkan masjid dan surau Jumaat terpilih sekitar Wilayah Persekutuan bagi menyediakan juadah Hari Raya dan menyantuni tetamu serta mengedarkan makanan secara percuma kepada masyarakat dari pelbagai latar belakang kaum, bangsa dan agama. Ia mengetengahkan semangat muhibbah masyarakat Malaysia Madani melalui konsep

perpaduan dan kepelbagaian.

Program dengan konsep yang serupa kali keempat diadakan sejak penganjuran kali pertama pada 2019 dan kini sebanyak 130 masjid dan surau Jumaat mengambil bahagian dalam acara pada tahun ini dengan penyertaan beberapa rakan strategik yang lain.

Pada majlis itu Fadillah turut menyampaikan sumbangan kepada anak yatim, pelajar tahfiz dan asnaf sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.-

Sumber BPP



Majlis Ramah Mesra Dataran Merdeka



Gerobok Rezeki

Menyantuni yang memerlukan



Gerobok Rezeki

BANTUAN BARANGAN ASAS DAPUR KEPADA ASNAF DAN KARIAH YANG BERKEPERLUAN,
SILA HUBUNGI KAMI ATAU SAMPAIKAN PESANAN DI TALIAN 013-3012564